



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

100 SUKARELAWAN FAKULTI PERTANIAN UPM SEDIA BERKHIDMAT DI MAHA 2026

SERDANG, 5 SEPTEMBER 2026 - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menggerakkan seramai 100 orang sukarelawan dalam kalangan pelajar universiti tempatan awam, khasnya dari Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai barisan hadapan bagi memastikan kelancaran penganjuran *Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Exhibition* (MAHA) edisi 2026.

MAHA 2026 sedang berlangsung selama 10 hari sejak 28 Ogos sehingga 6 September 2026 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang. Acara dwi-tahunan ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Para sukarelawan dipertanggungjawabkan dalam pelbagai tugas sepanjang penganjuran, antaranya sebagai penunjuk arah kepada pengunjung, memudah cara golongan OKU dan warga emas, membantu aktiviti promosi di 12 daripada 18 segmen MAHA bagi mendapatkan maklum balas kajian kepuasan pelanggan, serta menyokong urusan menyambut tetamu dan pengurusan data pengunjung.

Penglibatan mahasiswa UPM ini bukan sahaja membantu kelancaran acara, malah memberi peluang kepada mereka mengaplikasikan ilmu pertanian di lapangan, menimba pengalaman berurusan dan berinteraksi secara langsung dengan pemain industri serta pengunjung dari dalam dan luar negara. KPKM yakin, penglibatan pelajar-pelajar muda ini akan meningkatkan minat mereka dalam bidang pertanian serta memberi pendedahan kepada potensi bidang pertanian sebagai kerjaya, selaras dengan dasar negara untuk mempertingkatkan keterlibatan golongan muda dalam sektor pertanian negara.

KPKM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua sukarelawan UPM yang telah mencurahkan tenaga demi menjayakan MAHA 2026.

Keterlibatan generasi muda berilmu ini membuktikan bahawa masa depan sektor agromakanan negara berada di landasan yang tepat.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

